

Headline
Date
MediaTitle
Section
Journalist
Frequency
Circ / Read

JANGAN BIAR DADAH PUPUSKAN GENERASI MUDA!
19 Oct 2010
Maskulin
NEWS
N/A
Monthly
45,000 / 90,000

Language
Page No
Article Size
Color
ADValue
PRValue

Malay
78
492 cm²
Full Color
4,260
12,779



M REALITI TEKS: ISKMAL FIZREE

JANGAN BIAR DADAH PUPUSKAN GENERASI MUDA!

Sewajarnya golongan muda perlu diserapkan dengan nilai murni yang baik bagi membentuk belia yang sihat. Akan tetapi saban hari masih terdengar laporan di media tentang ketaksuban golongan muda hari ini melibatkan diri dengan gejala yang tidak sihat. Ancaman paling dahsyat adalah DADAH! MASKULIN prihatin terhadap isu ini.

Heroin, ganja, kokain, nakotin, dadah jenis perangsang dan LSD antara jenis-jenis dadah yang biasa kita dengar. Semua ini terhasil dari bahan kimia yang memudaratkan seluruh tubuh badan apabila mengambilnya secara berlebihan. Seseorang yang mengambilnya berulang-kali juga berisiko tinggi menjadi ketagih, dan apabila sudah bergantung pada dadah ia pastinya akan memusnahkan seluruh kehidupannya.

Apakah menjadi persoalan sekarang, mengapa begitu mudah golongan muda hari ini terpengaruh dan terjebak dengan penyalahgunaan dadah? Sedangkan mereka sendiri sudah tahu akan bahayanya dadah terhadap kesihatan tubuh badan. Lihat sahaja statistik yang dikeluarkan oleh Agensi Antidadah Kebangsaan, bahawa golongan belia berumur antara 19 hingga 39 tahun merupakan golongan paling ramai dikesan mengambil dadah. Malah media cetak mahupun elektronik sering melaporkan penangkapan remaja yang kini bukan sahaja mengambil dadah tetapi sudah pandai menjadi pengedar.

Penangkapan beberapa orang remaja yang melakukan kegiatan mengedar dan menjual dadah secara katalog baru-

baru ini membuktikan golongan muda sekarang menjadikan dadah sebagai benda biasa. Itu hanya sebahagian laporan penyalahgunaan dadah melibatkan golongan muda hari ini. Masih banyak lagi kes-kes yang berjaya dikesan dan tidak diketahui pihak berkuasa. Paling membimbangkan terutama ibu bapa apabila terdapat para remaja atau golongan muda di negara kita dijadikan 'umpan' sesetengah pengedar dadah. Seperti kes Nur Dhiya, 19 tahun yang ditahan di Lapangan Terbang Antarabangsa Cape Town kerana membawa 1.2 kilogram syabu. Pihak tidak bertanggungjawab menggunakannya dengan menawarkan peluang pekerjaan, sebaliknya diperdaya untuk dijadikan 'keldai dadah'.

FAKTOR TERLIBAT DENGAN PENYALAHGUNAAN DADAH

Jika dilihat penyalahgunaan dadah melibatkan semua peringkat usia, tidak kira jantina lelaki atau wanita, pelajar-pelajar institusi pengajian tinggi hinggalah melibatkan para profesional. Nyata 'wabak' yang merosakkan masyarakat ini tidak mengenal siapa dan di mana sahaja. Seperti kajian oleh Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IPPBM 2008) mendapati

kawasan pantai, ladang, kilang, tapak pembinaan malah di institusi pendidikan, dalam dan luar bandar antara tumpuan tempat penagihan serta penyalahgunaan dadah berlaku.

Apakah faktor yang menyebabkan golongan muda belia ini mudah terjerumus ke kancuh dadah? Sedangkan ramai yang terlibat terdiri daripada mereka yang mempunyai pendidikan tinggi dan berfikir waras. Seperti telah dinyatakan, dadah merebak di dalam masyarakat tanpa mengenal siapa. Banyak kajian yang dibuat mengenalpasti, pengaruh rakan sebaya antara faktor meningkatnya penyalahgunaan dadah. Kebiasaannya golongan muda ini lebih suka berfantasi. Dari mencuba-cuba akhirnya mereka terperangkap dengan ketagihan. Terdapat juga sebahagian besar penyalahgunaan dadah ini dilakukan oleh golongan muda yang disebabkan oleh faktor persekitaran dan keadaan tekanan terutama yang berlaku di tempat kerja serta di dalam keluarga. Jalan paling singkat untuk menyelesaikan tekanan adalah dengan mengambil dadah. Haruskah begitu?

KESEDARAN BERSAMA

Kita tahu kesan terhadap penyalahgunaan dadah. Bukan hanya merosakkan fizikal, mental malah memberi kesan dalam kehidupan seharian termasuk keruntuhan moral dan akhlak yang ketara di kalangan golongan muda, tidak kira sama ada lelaki mahupun perempuan. Ketagihan terhadap dadah juga mengundang pelbagai durjana sehingga sesiapa yang mengambilnya tidak lagi mampu berfikir secara waras. Jangan biarkan penyalahgunaan dadah ini mengundang pada penyakit lebih kronik, seperti HIV(Human Immunodeficiency

atau AIDS(Aquired Immune Deficiency Syndrome) yang mana peluangnya tipis untuk disembuhkan.

Kita turut sedari bahawa penyalahgunaan dadah tanpa henti tidak mustahil suatu hari nanti anak muda yang menjadi warisan negara ini akan pupus dek kealpaan mereka terlalu mengikut hawa nafsu. Oleh yang demikian, kita semua perlu lebih sedar dan peka akan masalah sosial yang boleh meruntuhkan tamadun masyarakat negara ini memikirkan inisiatif berguna yang sekurang-kurangnya dapat mengurangkan penularan gejala yang dianggap 'virus' ini. Buang sikap menunding jari kepada pihak lain atau bersikap tidak endah. " Biarlah bukan masalah kita pun, siapa yang suruh dia hisap dadah", atau " nasib baik anak aku tak hisap dadah". Jika berterusan begini yang anda fikir, maka penyalahgunaan dadah di kalangan golongan muda tidak akan berakhir.

Begitu juga diharapkan lebih banyak persatuan, badan NGO atau pihak persendirian menyokong usaha kerajaan menghapuskan gejala durjana ini. Sokongan dan bimbingan terhadap golongan muda yang terlibat dengan penyalahgunaan dadah amat penting bagi mengembalikan sinar dalam kehidupan mereka. Selain mendekatkan diri kepada yang Maha Kuasa, badan atau persatuan seperti Persatuan Kebajikan Saviour Insan Malaysia (PERKESAN), Persatuan Pengasih Malaysia, UNICEF(The United Nations Children's Fund), Agensi Anti-Dadah kebangsaan, rumah-rumah kebajikan atau pondok antara pihak yang memberikan sokongan bagi membantu menyelesaikan masalah yang menjadi musuh nombor satu negara ini.

